

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang 1991/1992

Jun 1992

BBT 342/3: TAKSONOMI TUMBUHAN

Masa: [3jam]

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

(BBT 342/3)

1. Bincangkan variasi ekologi dan geografi di antara populasi-populasi tumbuhan merujuk kepada pengkajian-pengkajian yang telah dilakukan oleh Turesson, Clausen, Keck dan Hiesey, Gregor dan Siskaja.

(20 markah)

2. Kajian sistem pembiakan penting untuk bidang taksonomi kerana corak variasi dipengaruhi oleh sistem pembiakan. Bincangkan kenyataan di atas dengan menyertakan contoh-contoh yang berkaitan.

(20 markah)

3. Bincangkan mekanisme-mekanisme yang menggalakkan pembiakan luar dan pembiakan dalam di kalangan tumbuhan yang menunjukkan pembiakan seksual.

(20 markah)

4. (a) Terangkan tentang heterokromatin

(5 markah)

- (b) Terangkan tentang evolusi tumbuhan gandum.

(15 markah)

(BBT 342/3)

5. Bincangkan kepupusan tumbuhan dari aspek

- (i) Sebab ianya berlaku
- (ii) Akibat berlakunya kepupusan dan
- (iii) Cara-cara mengatasi masalah kepupusan

(20 markah)

6. (a) Terangkan perbezaan antara sistem pengkelasan Englerian dan sistem pengkelasan Ranalian

(b) Bincangkan kritikan yang dapat dibuat terhadap

- (i) Pendekatan tradisi dan
- (ii) Pendekatan numerik dalam pembinaan pengkelasan tumbuhan

(20 markah)

